

PEMBELAJARAN DALAM ERA PANDEMIK COVID-19 DI KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

***Siti Astri Moksin¹, Zeti Yusmira Jaludin², Muhamad Zahiri Awang Mat³,
Hjh Norwati Hj Abu Bakar⁴, & Muhammad Hilmy Baihaqy Yussof⁵***

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan^{1, 2, 3, 4}

Universiti Islam Sultan Sharif Ali⁵

*sitiastrihm@gmail.com¹, zeti.yusmira@gmail.com², zahiri.mat@gmail.com³,
hjhnorwati@gmail.com⁴, & baihaqy313@gmail.com⁵*

ABSTRAK

Era pandemik COVID-19 telah menyebabkan berlakunya banyak perubahan daripada aspek kehidupan masyarakat amnya. Impak pandemik COVID-19 banyak mempengaruhi kehidupan manusia sama ada aspek kemasyarakatan, perekonomian, pelancongan, kesihatan dan juga tidak terkecuali bidang pendidikan termasuklah proses pembelajaran pelajar khusus peringkat institusi pengajian tinggi. Proses pembelajaran secara dalam talian telah mengambil tempat di setiap institusi pendidikan di Brunei. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan dan cabaran pelajar terhadap pembelajaran secara dalam talian semasa pandemik COVID-19. Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan soal selidik untuk mengumpul data. Sementara pensampelan rawak yang melibatkan seramai 230 orang pelajar dari pelajar-pelajar Tahun 1 hingga Tahun 4 di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) terlibat dalam kajian ini. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian memperoleh nilai alpha sebanyak 0.96 bagi item tahap kesediaan dan 0.90 bagi item cabaran pelajar. Secara keseluruhan hasil kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar mempunyai kesediaan yang cukup menghadapi proses pembelajaran secara dalam talian dengan nilai min 3.73. Namun, pelajar-pelajar juga didapati menghadapi beberapa cabaran terdiri dari aspek kemudahan pembelajaran, kefahaman terhadap pelaksanaan pembelajaran dalam talian, kemahiran penggunaan teknologi maklumat, persekitaran, interaksi dengan pensyarah dan cabaran terhadap kesihatan mental sepanjang pembelajaran secara dalam talian dengan tahap min 3.04. Sebagai saranan, pelajar-pelajar perlu bersedia dan menyesuaikan diri untuk menerima sebarang perubahan terutama proses pengajaran dan pembelajaran dalam norma baharu.

Kata Kunci: Pandemik COVID-19, Pembelajaran Dalam Talian, KUPU SB

PENDAHULUAN

Tahun 2019 merupakan tahun menempa sejarah apabila dunia telah dihebohkan mengenai kedatangan satu virus yang dinamakan sebagai Virus COVID-19. Kedatangan virus ini mula dikenal pasti berlaku di Wuhan, China. Kedatangan virus ini telah mengacam masyarakat dari aspek perekonomian, pelancongan dan kesihatan. Penularan COVID-19 telah menyebabkan berlakunya banyak perubahan daripada aspek kehidupan masyarakat amnya. Impak pandemik COVID-19 banyak mempengaruhi kehidupan manusia sama ada aspek kemasyarakatan, perekonomian, pelancongan, kesihatan dan juga tidak terkecuali mempengaruhi bidang pendidikan termasuklah proses pembelajaran pelajar khusus peringkat institusi pengajian tinggi.

Pandemik COVID-19 yang telah melanda seluruh negara amnya dan Brunei khususnya pada tahun 2020 yang telah membawa perubahan norma baharu terutama dalam sistem pendidikan. Di Negara Brunei Daussalam juga tidak terkecuali menghadapi cabaran ini apabila

pihak Kementerian Kesihatan menerusi siaran media Kementerian Kesihatan pada 9 Mac 2020 melaporkan satu kes yang melibatkan seorang lelaki tempatan berumur 53 tahun telah disahkan mengalami gejala-gejala penyakit COVID-19 pada 7 Mac 2020 (Kementerian Kesihatan, 2020). Kehidupan rakyat Brunei telah terkesan dan telah mengalami perubahan dengan menjalani kehidupan norma baharu kesan daripada penularan penyakit COVID-19. Bagi membendung penularan penyakit ini secara berleluasa, maka pihak Kerajaan Brunei mengambil inisiatif untuk tidak membenarkan orang ramai membuat sebarang acara perkumpulan ramai yang melibatkan acara-acara perkumpulan dalam majlis perkahwinan atau acara-acara kesukanan (Kementerian Kesihatan, 2020).

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan buruk terhadap kesihatan, pendidikan, ekonomi dan lain-lain sehingga mengakibatkan negara ini terpaksa mengambil langkah penutupan pusat-pusat perhimpunan, melaksanakan bekerja dari rumah (*Work From Home*), penghadan pergerakan di luar rumah, memakai pelitup hidung dan mulut, menjaga penjarakkan sosial, kerap mencuci tangan sebagai langkah pencegahan penularan COVID-19. Tidak terkecuali bidang pendidikan juga terkesan akibat virus ini. Oleh itu, atas saranan daripada Kementerian Kesihatan untuk memutuskan rantaian COVID-19, pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama mengambil instiatif penutupan institusi pendidikan termasuklah sekolah-sekolah kerajaan dan swasta peringkat rendah, menengah, ugama dan tidak terkecuali institusi pengajian tinggi.

Sistem pendidikan khusus pelajar-pelajar juga tidak ketinggalan menghadapi cabaran dan perubahan cara pembelajaran dalam norma baharu. Berlakunya perubahan lanskap pendidikan di Brunei dengan menggantikan kaedah pembelajaran secara bersemuka kepada kaedah pembelajaran secara dalam talian. Kaedah pembelajaran secara dalam talian telah mengambil tempat dalam dunia pendidikan secara global. Sejurnya, perubahan ini belum dapat diadaptasi sepenuhnya oleh pelajar-pelajar. Perubahan kaedah pembelajaran ini telah menjadi cabaran kepada pelbagai pihak khusus pelajar-pelajar dalam mengadaptasi pendidikan norma baharu dalam proses pembelajaran mereka.

Proses pembelajaran secara dalam talian telah mengambil tempat di setiap institusi pengajian tinggi. Tidak terkecuali, Kolej Universiti Perguruan Ugama (KUPU SB) untuk mengambil langkah pencegahan penularan COVID-19, maka institusi ini telah menutup sepenuhnya sesi pembelajaran secara bersemuka dan diganti dengan *mode* pembelajaran secara dalam. Oleh itu, pelajar-pelajar tidak dikehendaki hadir ke KUPU SB mulai 24 Mac 2020 dan kaedah pembelajaran dijalankan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi pembelajaran *online* (Mohammad Hilmy Baihaqy, 2021). Oleh itu, para pensyarah diberikan kelonggaran untuk dapat meneruskan tugas mengajar dari rumah (*Work From Home - WFH*) dan pelajar belajar dari rumah.

PENYATAAN MASALAH

Masyarakat telah menghadapi pelbagai cabaran kehidupan semasa pandemik COVID-19. Malahan kejadian wabak ini juga telah mempengaruhi bidang pendidikan yang sekaligus merubah lanskap kaedah pembelajaran pelajar di semua institusi pendidikan di Brunei. Pandemik COVID-19 telah merubah landskap pembelajaran apabila bermula sesi pembelajaran dilakukan secara dalam talian bermula pada 30 Mac 2020 Masehi bagi institusi pendidikan peringkat rendah, menengah, ugama dan 24 Mac 2020 bagi KUPU SB. Disebabkan faktor pandemik COVID-19,

penutupan institusi-institusi pendidikan telah memberi kesan terhadap struktur pembelajaran iaitu daripada kaedah pengajaran pembelajaran secara bersemuka di institusi kepada kaedah pengajaran pembelajaran secara dalam talian sepenuhnya.

Namun, pelajar-pelajar belum dapat mengadaptasi cara pembelajaran norma baharu seperti pembelajaran secara dalam talian dalam konteks pembelajaran mereka. Terdapat pelbagai cabaran yang telah dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa belajar secara dalam talian di mana antara lainnya kesukaran kemudahan dalam mendapatkan kemudahan akses *Internet* (Media Permata, 2020). Hal ini disebabkan keadaan *internet* ada kalanya tidak stabil dan juga memerlukan kos langganan yang mahal (Media Permata, 2021).

Sementara berdasarkan kajian *Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT)* yang telah dilaksanakan 3 hingga 16 September 2021 mendapati bahawa responden kajian telah menyuarakan tentang kebimbangan mereka terhadap kesihatan mental dan kurangnya keseimbangan antara pekerjaan dengan aktiviti di rumah. Tambah lagi, berdasarkan laporan kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar juga turut menyuarakan tentang pandangan mereka terhadap beban tugas belajar di rumah berbanding dengan belajar di sekolah. Aktiviti pembelajaran secara dalam talian juga turut menjadi perhatian kerana kesannya mempengaruhi aspek kesihatan pelajar-pelajar seperti mereka mudah merasa letih dan sakit kepala disebabkan faktor menghadap skrin yang terlalu lama.

Selain itu, kajian juga mendapati bahawa hubungan sosial juga turut memberi kesan kepada diri pelajar di mana pembelajaran dalam talian menyebabkan mereka kurang berinteraksi dengan rakan hingga dapat mempengaruhi motivasi belajar mereka. Selain itu mereka lebih cenderung untuk belajar secara bersemuka berbanding belajar secara dalam talian. Hal demikian menyebabkan timbulnya pandangan negatif pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara dalam talian (Media Permata, 2021).

Persoalannya, adakah semua pelajar-pelajar bersedia untuk menerima perubahan mengadaptasi kaedah pembelajaran secara dalam talian ini? Dan apakah cabaran-cabaran pelajar yang mereka hadapi sepanjang pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian bagi pelajar peringkat institusi pengajian tinggi. Oleh itu, terdapat satu keperluan untuk menjalankan kajian secara menyeluruh terhadap mengenal pasti tahap kesediaan dan cabaran mereka hadapi sepanjang belajar dalam norma baharu ini.

KAJIAN LITERATUR

Merujuk kepada Siaran Media Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam yang berlangsung pada 25 Mac 2020 telah menyentuh tentang kenyataan media yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan pada 25 Mac 2020 Masehi bersamaan 30 Rejab 1441 Hijrah berkenaan dengan proses pembelajaran pelajar-pelajar institusi pendidikan peringkat sekolah rendah, menengah, pusat-pusat tingkatan enam, sekolah-sekolah vokasional dan Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), sekolah-sekolah swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan mahupun institusi pendidikan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama dilakukan secara atas talian bermula pada 30 Mac 2020 Masehi (Siaran Media Kementerian Kewangan dan Ekonomi Negara Brunei Darusalam, 2020).

Berikutnya penutupan institusi pendidikan di Negara Brunei Darussalam, maka aktiviti pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian dan aktiviti secara bersemuka adalah tidak dibenarkan. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pendidikan menyarankan institusi pendidikan untuk menggunakan pembelajaran dalam talian seperti menggunakan aplikasi digital seperti *Google Classroom*, *Google Meet*, *Microsoft Team (MS Teams)*, *Zoom*, *Cisco Webex*, *Telegram*, *WhatsApp*, *e-mel* dan lain-lain untuk membantu tenaga pengajar dan pelajar sebagai ganti terhadap proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka (Media Permata, 2020). Di KUPU SB, platform seperti *Zoom* dan *MS Teams* digunakan sebagai medium untuk mengajar (Mohammad Hilmy Baihaqy, 2021) selain aplikasi *WhatsApp*, *Telegram*, *e-mail* sebagai alat perhubungan antara pensyarah dan pelajar.

Pelbagai aplikasi dan platform digital yang sesuai digunakan untuk meneruskan aktiviti pembelajaran semasa pandemik COVID-19 yang boleh digunakan antaranya medium, *Google Classroom*, *WhatsApp*, *Zoom*, *Webex*, *Youtube* (Nor Fauziana, 2020) dan *Google Meet* (Losius et al., 2020). Begitu juga menurut Siti Balqis dan Muniroh (2020) menjelaskan bahawa aplikasi seperti *WhatsApp*, *Telegram*, *Google Meet Classroom*, *MS Team* dan *Zoom* digunakan sebagai platform dalam menyalurkan pengajaran dan maklumat kepada pelajar. Berdasarkan kajian Rofizah (2020) mendapati bahawa pelajar selesa belajar dengan menggunakan medium *MS Team* semasa belajar secara maya. Oleh itu, menurut pandangan Mohd Fairuz et al. (2020) menyatakan bahawa pembelajaran dalam talian adalah diperlukan semasa pandemik COVID-19 ini dan menurut Muniroh et al. (2020) menyatakan bahawa pembelajaran dalam talian adalah solusi yang terbaik ketika ini. Menurut Abdul Rashid et al. (2020) menyatakan bahawa *mode* pembelajaran secara dalam talian merupakan satu revolusi pembelajaran yang diperlukan melalui jaringan internet dengan gabungan aplikasi digital.

Menurut Awang Hazri (2020), COVID-19 menimbulkan kesedaran betapa pentingnya sekolah dilengkapi dengan infrastruktur dan teknologi yang berpatutan agar pendidik dan pelajar dapat disiapkan dengan kemahiran untuk mengadaptasi pembelajaran secara digital. Oleh demikian, pelajar-pelajar perlu memiliki kemahiran Abad Ke-21 dengan serapan teknologi pendidikan ke dalam konteks pembelajaran mereka agar mereka celik digital. Siti Norazian et al., (2020) menyatakan bahawa pembelajaran secara dalam talian di Abad-21 telah menggantikan fungsi pembelajaran secara konvensional di seluruh dunia pada masa kini. Berdasarkan pandangan Nur Fauziana (2020), kemudahan fasiliti yang disediakan oleh institusi dan ibu bapa penting untuk melestarikan corak pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

Di Brunei Darussalam, Pelan Kesinambungan Operasi (*Business Continuity Plan - BCP*) telah ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan agar sekolah-sekolah dapat diteruskan termasuk menyediakan sistem pembelajaran dan pengajaran di rumah melalui *Home Learning Pack* dan juga pembelajaran dari program TV pendidikan dan pembelajaran secara dalam talian. Sehubungan itu, menurut Siti Balqis dan Muniroh (2020), pelajar-pelajar juga perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan memanfaatkan ilmu teknologi maklumat terkini agar sesi pembelajaran dapat berjalan dengan mudah dan lancar.

Dalam krisis COVID-19, tidak semua pelajar memiliki kemudahan peranti untuk peralatan pembelajaran. Oleh demikian, pihak Kementerian Pendidikan telah bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan pihak berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) serta syarikat-syarikat telekomunikasi di negara ini untuk menyediakan peranti dan akses kepada *internet* diberikan kepada para pelajar

yang kurang berkemampuan. Dengan usaha ini, para pelajar dapat mengikuti sesi pembelajaran di rumah dengan lancar. Jaringan *internet* merupakan rangkaian elektronik yang penting untuk pelaksanaan e-pembelajaran (Wei Boon et al., 2021; Mahathir & Wardatul, 2021; Fadzliyah et al., 2020; Yusuf, 2012). Namun berdasarkan kajian Siti Balqis dan Muniroh (2020) mendapati bahawa akses pencapaian *internet* menjadi cabaran dan isu utama dalam pelaksanaan pembelajaran dalam talian.

Walau bagaimanapun, dalam pendidikan semasa COVID-19 turut tidak mengecualikan krisis dari aspek kesediaan pelajar sepanjang sesi pembelajaran dalam talian dijalankan. Kajian Siti Balqis dan Muniroh (2020) mendapati bahawa tahap kesediaan pelajar terhadap kaedah pembelajaran secara dalam talian masih berada pada tahap yang memuaskan. Ini kerana masih terdapat segelintir pelajar yang belum bersedia untuk berhadapan belajar secara dalam talian disebabkan oleh akses capaian *internet* yang tidak memuaskan dan kurangnya persediaan dari segi mental dan fizikal. Begitu juga, krisis dari aspek pengurusan masa kalangan pelajar sepanjang pembelajaran dalam talian, mereka harus bijak untuk mengatasi masalah-masalah gangguan peribadi daripada keluarga. Oleh itu, kesediaan pelajar menghadapi pembelajaran secara dalam talian perlu diambil perhatian kerana mereka merupakan subjek utama dalam dunia pendidikan (Muniroh et al., 2020).

Kesediaan pelajar dalam menerima corak pembelajaran norma baharu amat perlu bagi melaksanakan e-pembelajaran yang berkesan. Terdapat tiga cabaran yang dihadapi oleh pelajar belajar secara maya antaranya ialah capaian *internet*, kos internet (Mahathir & Wardatul, 2021; Siti Azura et al., 2021; Siti Norazian et al., 2020) suasana pembelajaran yang kurang kondusif (Mahathir & Wardatul, 2021; Siti Azura et al., 2021) dan tiada kemudahan komputer dan telefon bimbit (Siti Azura et al., 2021). Menurut Mohamad Idham (2020), Rofizah (2020) dan Mohammad Hilmy Baihaqy (2021), fasiliti yang kondusif dan persekitaran yang sesuai menyumbang kepada kejayaan pembelajaran secara dalam talian. Selain cabaran tersebut di atas, terhadnya terhadap pemilikan dan penggunaan kemudahan komputer dan telefon bimbit menjadi cabaran terhadap sesetengah pelajar (Mahathir dan Wardatul; 2021).

Siti Azura et al, (2021) dan Awang Hazri (2020), menjelaskan bahawa pandemik COVID-19 sebenarnya adalah sebagai agen transformasi kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dan sebagai peluang untuk merubah sistem pendidikan supaya lebih mantap. Gaya pembelajaran pelajar masa kini telah mengalami perubahan di mana dalam fasa pembelajaran norma baharu, pelajar-pelajar menghadapi cabaran daripada asepk teknologi, gaya belajar, personaliti dan situasi. Pandangan Mahathir dan Wardatul (2021) mendapati bahawa pembelajaran dalam talian boleh mengambil masa sekurang-kurang dua jam dan pelajar akan duduk berhadapan dengan komputer dalam masa yang agak lama dan mengakibatkan badan terasa sakit.

Selain itu, kajian Jung et al. (2012) juga mendapati bahawa pembelajaran secara dalam talian telah memberi kesan terhadap aspek psikologi pelajar antaranya menimbulkan kebimbungan dan tekanan perasaan. Hal ini disebabkan oleh beberapa cabaran seperti akses *internet* yang lemah dan masalah peranti yang digunakan sepanjang proses pembelajaran secara dalam talian berlaku. Isu kesihatan mental kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi juga perlu diambil perhatian dan diambil serius. Hal demikian dijelaskan oleh Shamzaeffa dan Kevin (2016) dan Siti Aisyah et al. (2021) bahawa tahap kesihatan mental pelajar perlu diambil perhatian kerana ianya memberi kesan terhadap prestasi akademik pelajar dan menurut Haizvanie dan Norzaini (2021)

bahawa kesihatan mental mempunyai hubungan dengan motivasi pelajar untuk belajar dalam mengadaptasi cara pembelajaran di norma baharu. Selain itu, isu kesihatan mental kalangan pelajar-pelajar universiti memberi kesan besar pada aspek fizikal, emosi, kognitif dan interpersonal untuk berfungsi dengan baik (Mohd Suhaimi & Mohd Haazik, 2020). Isu kesihatan mental juga ada dibincangkan seiring dengan situasi pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara kini. Kesihatan mental merupakan salah satu faktor keberkesanan pembelajaran secara atas talian (Abdul Rashid et al., 2020).

Menurut Md Daud et al. (2016), cara pembelajaran baharu seperti pembelajaran secara dalam talian dan persekitaran baharu memberi kesan terhadap masalah tekanan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Selain itu kenyataan Alias et al. (2021) menjelaskan bahawa situasi pembelajaran pelajar semasa pandemik COVID-19 secara dalam talian telah memberi kesan terhadap masalah tekanan dan kebimbangan dalam kalangan pelajar. Sementara gaya belajar ialah berhubung dengan cabaran pelajar untuk berkomunikasi dengan guru secara langsung adalah terhad. Hal demikian dijelaskan menerusi hasil kajian Losius et al. (2020) menjelaskan bahawa pelajar menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat dan bimbingan guru semasa belajar secara dalam talian.

Oleh itu, keselesaan pelajar belajar secara dalam talian juga diambil kira dalam menentukan keberhasilan belajar. Hal ini kerana disebabkan halangan pelajar terhadap keselesaan terhadap penggunaan teknologi dan menyesuaikan pembelajaran dalam talian dianggap juga mempengaruhi pembelajaran cara mereka belajar.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif-objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap kesediaan pelajar dalam proses pembelajaran secara dalam talian.
2. Mengenal pasti cabaran pelajar dalam proses pembelajaran secara dalam talian.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kuantitatif berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpul data. Kajian ini dilaksanakan ke atas pelajar-pelajar di KUPU SB. Oleh itu, lokasi kajian menumpukan di KUPU SB iaitu sebuah institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam. Adapun rasional pemilihan KUPU SB dalam kajian ini kerana sepanjang pandemik COVID-19 di Brunei, KUPU SB mengambil pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Kaedah pensampelan rawak digunakan bagi mendapatkan data. Responden kajian melibatkan pelajar dalam pengajian Tahun 1 hingga Tahun 4. Oleh itu seramai 230 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Justifikasi pemilihan sampel kajian ini adalah berdasarkan kepada pengalaman mereka melalui proses kaedah pembelajaran secara dalam talian.

Kaedah pengupulan data dilaksanakan secara dalam talian dengan menggunakan *Google Form* melalui sosial media seperti aplikasi *Whatsapp* untuk mengumpul data. Responden kajian dikehendaki untuk memasukkan nombor pendaftaran pengajian sebagai akses ID dan alamat *e-mail* yang sah untuk mengelakkan pengulangan penghantaran respon jawapan. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang diadaptasi daripada beberapa pengkaji lepas iaitu Ahmad Al-Munzir Ridzuan dan Mansur Nasir (2020), Shakirah et al. (2020) dan Siti Norazian et al.

(2020). Dalam kajian ini juga, pengkaji mengadaptasi 12 item soalan *General Health Questionnaire-12 (GHQ-12)* untuk mengukur tahap kesihatan mental pelajar-pelajar sepanjang melalui pembelajaran secara dalam talian.

Oleh itu, sebanyak 3 item soalan disediakan pada Bahagian A mengenai latar belakang responden, 18 item pada Bahagian B bagi mengukur tahap kesediaan pelajar dan 29 item soalan pada Bahagian C bagi mengukur tahap cabaran pelajar dalam proses pembelajaran secara dalam talian. Bagi item soalan pada Bahagian B dan Bahagian C menggunakan skala lima likert. Pilihan bagi Bahagian B iaitu 1 = Sangat Tidak Bersedia, 2 = Tidak Bersedia, 3 = Tidak Pasti, 4 = Bersedia dan 5 = Sangat Bersedia. Sementara pilihan bagi Bahagian C pula sekala likert yang digunakan ialah 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Tidak Pasti, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju.

Sebelum pelaksanaan kajian sebenar, kajian rintis dilaksanakan ke atas pelajar-pelajar daripada Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA). Seramai 28 orang pelajar terlibat kajian rintis yang dilaksanakan. Berdasarkan hasil kajian rintis tahap kesihatan dan kebolehpercayaan instrumen kajian bagi konstruk tahap kesediaan pelajar ialah memperolehi nilai *Cronbach Alpha* sebanyak 0.96 dan bagi konstruk cabaran pelajar ialah sebanyak 0.90. Oleh yang demikian, item soal selidik yang digunakan memperoleh nilai kesihatan dan kebolehpercayaan pada tahap yang sangat tinggi.

Data soal selidik dalam kajian ini dianalisis secara deskriptif untuk mengetahui tahap min dan sisihan piawai. Oleh itu untuk menentukan tahap interpretasi min, pengkaji mengambil kira pandangan Fairuz et al. (2020) bagi konstruk kesediaan pembelajaran secara dalam talian. Jadual 1 berikut menunjukkan interpretasi tahap min bagi item kesediaan pembelajaran secara dalam talian.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Aspek Kesediaan Pembelajaran Secara Dalam Talian

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 – 1.80	Sangat tidak bersedia
1.81 – 2.60	Tidak bersedia
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Bersedia
4.21 – 5.00	Sangat Bersedia

(Sumber: Mohd Fairuz et al., 2020)

Manakala bagi menentukan tahap interpretasi min bagi konstruk cabaran pelajar belajar secara dalam talian ialah mengambil kira pandangan Thawinkarn et al. (2018) seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Interpretasi Skor Min Aspek Cabaran Pembelajaran Secara Dalam Talian

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 – 1.49	Sangat Rendah
1.50 – 2.49	Rendah
2.50 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.49	Tinggi
4.50 – 5.00	Sangat Tinggi

(Sumber: Thawinkarn et al., 2018)

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan tentang hasil dapatan kajian soal selidik yang terdiri daripada demografi responden kajian, tahap kesediaan pelajar serta cabaran pelajar dalam proses pembelajaran secara dalam talian.

Analisis Profil Responden

Pada bahagian ini melaporkan mengenai data latar belakang responden kajian yang berkaitan dengan jantina, program pengajian di KUPU SB dan tahun pengajian seperti dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Latar Belakang Responden Kajian

Perkara	Perkara	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	83	36.1%
	Perempuan	147	63.9%
Program Pengajian	Diploma Tertinggi Perguruan	78	33.9%
	Ugama		
	Sarjana Muda Perguruan Ugama	82	35.7%
	Diploma Perguruan Ugama	50	21.7%
	Lepasan Ijazah		
	Sarjana Perguruan Ugama	11	4.8%
	Doktor Falsafah Perguruan	3	1.3%
	Ugama		
	Diploma Lanjutan	4	1.7%
Tahun Pengajian	Lain-Lain	2	0.9%
	Tahun 1	157	68.3%
	Tahun 2	55	23.9%
	Tahun 3	5	2.2%
	Tahun 4	12	5.2%
	Lain-Lain	1	0.4%

Merujuk Jadual 3, responden kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar dari KUPU SB. Oleh itu, seramai 83 orang (36.1%) adalah kalangan pelajar lelaki dan 147 orang (63.9%) adalah pelajar perempuan. Sementara mengikut program pengajian, seramai 78 orang (33.9%) adalah dari Program Diploma Tertinggi Perguruan Ugama, 82 orang (35.7%) dari Program Sarjana Muda Perguruan Ugama, 50 orang (21.7%) pelajar dari Program Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah. Selain itu seramai 11 orang (4.8%) terlibat daripada Program Sarjana Perguruan Ugama, 3 orang (1.3%) dari Program Doktor Falsafah, 4 orang (1.7%) pelajar dari Program Diploma Lanjutan dan 2 orang (0.9%) tidak menyatakan program pengajian. Manakala mengikut tahun pengajian, seramai 157 orang (68.3%) terlibat adalah kalangan pelajar Tahun 1, 55 orang (23.9%) pelajar Tahun 2, 5 orang (2.2%) pelajar Tahun 3. Sementara seramai 12 orang (5.2%) adalah pelajar berada di Tahun 4 dan seorang (0.4%) tiada kenyataan mengenainya. Secara keseluruhan seramai 230 pelajar terlibat dalam kajian ini.

Analisis Dapatan Kajian

Dalam membincangkan analisis dapatan kajian, fokus perbincangan adalah berdasarkan kepada objektif kajian yang ditetapkan. Bagi menjawab objektif kajian yang pertama, analisis kajian adalah meliputi tahap kesediaan pelajar belajar secara dalam talian. Analisis objektif kedua pula ialah

meliputi cabaran pelajar dalam proses pembelajaran secara dalam talian. Huraianya adalah seperti berikut:

Analisis Tahap Kesediaan Pelajar Dalam Proses Pembelajaran Secara Dalam Talian

Pada Jadual 4 menunjukkan min dan sisihan piawai tahap kesediaan pelajar dalam proses pembelajaran secara dalam talian. Sebanyak 18 item telah disediakan bagi mendapatkan data berkaitan dengan tahap kesediaan pelajar. Dapatan kajian menjelaskan bahawa keseluruhan tahap min bagi tahap kesediaan pelajar belajar secara dalam talian ialah 3.73 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.67 iaitu berada pada tahap interpretasi min bersedia. Berikut Jadual 4 menjelaskan secara terperinci dapatan kajian.

Jadual 4: Tahap Kesediaan Pelajar Dalam Proses Pembelajaran Secara Dalam Talian

Bil	Item	Min	SP	Tahap
B1	Pengetahuan asas tentang pembelajaran secara dalam talian.	3.64	0.82	Bersedia
B2	Pengetahuan tentang pembelajaran secara dalam talian.	3.62	0.82	Bersedia
B3	Pengetahuan tentang kaedah pembelajaran secara dalam talian.	3.56	0.82	Bersedia
B4	Mengendalikan komputer riba dengan baik bagi pembelajaran secara dalam talian.	3.81	0.85	Bersedia
B5	Mengendalikan telefon bimbit dengan baik bagi pembelajaran secara dalam talian.	3.87	0.83	Bersedia
B6	Menggunakan platform pembelajaran dalam talian seperti aplikasi Whatsapp/Telegram.	4.02	0.85	Bersedia
B7	Belajar secara dalam talian menggunakan aplikasi <i>Zoom/Webex/Google Meet/MS Teams</i> .	4.04	0.84	Bersedia
B8	Menggunakan maklumat yang diperolehi sepanjang pembelajaran secara dalam talian untuk membantu menyiapkan tugas/projek yang diberikan.	3.73	0.89	Bersedia
B9	Melakukan pembentangan tugas/projek yang diberikan oleh pensyarah secara dalam talian.	3.81	0.92	Bersedia
B10	Memuat turun bahan rujukan berkaitan subjek pelajaran untuk meningkatkan pemahaman secara dalam talian.	3.57	0.98	Bersedia
B11	Berkongsi maklumat dengan rakan sekelas melalui pembelajaran dalam talian.	3.86	0.88	Bersedia
B12	Menghubungi pensyarah bagi mengatasi masalah pembelajaran saya secara dalam talian.	3.80	0.89	Bersedia
B13	Belajar secara dalam talian tanpa bersemuka dengan pensyarah dan rakan-rakan.	3.37	1.17	Bersedia
B14	Berinteraksi melalui pembelajaran dalam talian secara fleksible (bila-bila masa).	3.33	1.02	Bersedia
B15	Menyediakan peranti sokongan seperti kamera, mikrofon, headphone, earphone.	3.46	1.07	Bersedia
B16	Menyediakan akses <i>internet</i> (kuota) yang diperlukan yang mencukupi sepanjang pembelajaran secara dalam talian.	3.57	1.13	Bersedia
B17	Menyediakan kemudahan komputer riba bagi pembelajaran secara dalam talian.	4.04	0.81	Bersedia
B18	Menyediakan kemudahan telefon bimbit bagi pembelajaran secara dalam talian.	4.07	0.81	Bersedia
Jumlah Min		3.73	0.67	Bersedia

Dapatan kajian menunjukkan kesemua item berada pada tahap bersedia dengan nilai purata tahap kesediaan min antara 3.33 hingga 4.07. Merujuk item yang memperoleh min antara 3.80 hingga 4.07 iaitu berada pada tahap bersedia ialah sebanyak 9 item mengenainya. Oleh itu, item yang memperoleh min 4.07 dan sisihan piawai 0.81 ialah item B18 (*menyediakan kemudahan telefon bimbit bagi pembelajaran secara dalam talian*). Sebanyak 2 item memperolehi nilai min yang sama iaitu 4.04 iaitu pada item B7 dan B17. Item B7 (*belajar secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom/Webex/Google Meet/MS Teams*) memperoleh nilai sisihan piawai sebanyak 0.84 dan B17 (*menyediakan kemudahan komputer riba bagi pembelajaran secara dalam talian*) memperolehi sisihan piawai sebanyak 0.81. Manakala, item yang memperoleh min sebanyak 4.02, sisihan piawai 0.85 ialah item B6 (*menggunakan platform pembelajaran dalam talian seperti aplikasi Whatsapp atau Telegram*).

Berikuturaian dapatan min bagi item B5 (*mengendalikan telefon bimbit dengan baik bagi pembelajaran secara dalam talian*) memperoleh nilai min 3.87, sisihan piawai sebanyak 0.83 dan item B11 memperoleh min 3.86 dengan sisihan piawai 0.88 adalah pada item B11 (*berkongsi maklumat dengan rakan sekelas melalui pembelajaran dalam talian*). Terdapat 2 item iaitu item B9 dan B4 memperoleh nilai min yang sama iaitu 3.81. Bagi item B9 (*melakukan pembentangan tugas atau projek yang diberikan oleh pensyarah secara dalam talian*) memperoleh sisihan piawai sebanyak 0.92 dan item B4 (*mengendalikan komputer riba dengan baik bagi pembelajaran secara dalam talian*) dengan sisihan piawai 0.85. Dan item B12 (*menghubungi pensyarah bagi mengatasi masalah pembelajaran saya secara dalam talian*) memperoleh min 3.80, sisihan piawai 0.89.

Sementara 3 item yang memperoleh nilai min antara 3.62 hingga 3.73. Item B8 (*menggunakan maklumat yang diperolehi sepanjang pembelajaran secara dalam talian untuk membantu menyiapkan tugas atau projek yang diberikan*) memperoleh min 3.73 dengan sisihan piawai sebanyak 0.89. Item B1 (*pengetahuan asas tentang pembelajaran secara dalam talian*) berada pada tahap min 3.64, sisihan piawai sebanyak 0.82. Dan pada item B2 (*pengetahuan tentang pembelajaran secara dalam talian*) memperoleh min 3.62 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.82.

Selain itu, item yang berada pada tahap min antara 3.33 hingga 3.57 adalah sebanyak 6 item. Item yang memperoleh nilai tahap kesediaan min 3.57 iaitu pada item B16 (*menyediakan akses internet (kuota) yang diperlukan yang mencukupi sepanjang pembelajaran secara dalam talian*) dengan nilai sisihan piawai sebanyak 1.13 dan item B10 (*memuat turun bahan rujukan berkaitan subjek pelajaran untuk meningkatkan pemahaman secara dalam talian*) dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.98. Item B3 (*pengetahuan tentang kaedah pembelajaran secara dalam talian*) memperolehi nilai min 3.56 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.82. Min antara 3.33 hingga 3.37 ialah pada item B14 (*berinteraksi melalui pembelajaran dalam talian secara fleksible (bila-bila masa)*) dan item B13 (*belajar secara dalam talian tanpa bersemuka dengan pensyarah dan rakan-rakan*). Sementara item B15 (*menyediakan peranti sokongan seperti kamera, mikrofon, headphone, earphone*) memperoleh nilai min 3.46 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 1.07.

Analisis Cabaran Pelajar Dalam Proses Pembelajaran Secara Dalam Talian

Pada Jadual 5 pula menunjukkan min dan sisihan piawai cabaran pelajar dalam proses pembelajaran secara dalam talian. Sebanyak 29 item digunakan untuk mendapatkan data mengenainya. Secara keseluruhan, tahap min bagi bahagian cabaran pelajar ialah 3.04 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.49 iaitu berada pada tahap interpretasi min sederhana. Perincian terdapat dalam Jadual 5 berikut:

Jadual 5: Cabaran Pelajar Dalam Proses Pembelajaran Secara Dalam Talian

Bil	Item	Min	SP	Tahap
C1	Pembelajaran secara dalam talian menggunakan kos <i>internet</i> yang tinggi.	3.93	1.04	Tinggi
C2	Menghadapi masalah capaian <i>internet</i> di kediaman/rumah pelajar sepanjang pembelajaran secara dalam talian.	3.59	1.14	Tinggi
C3	Tidak memiliki komputer riba sendiri sepanjang pembelajaran secara dalam talian.	1.79	0.90	Rendah
C4	Tidak memiliki telefon bimbit sendiri sepanjang pembelajaran secara dalam talian.	1.51	0.70	Rendah
C5	Penggunaan kemudahan infrastruktur teknologi yang terhad di kediaman/rumah sepanjang pembelajaran secara dalam talian.	2.97	1.12	Sederhana
C6	Kurang mahir menggunakan teknologi maklumat sepanjang pembelajaran secara dalam talian.	2.62	1.10	Sederhana
C7	Menghadapi masalah kurang pendedahan melaksanakan pembelajaran dalam talian.	2.92	1.10	Sederhana
C8	Mengahadapi masalah kurang berinteraksi dengan pensyarah dan rakan.	3.22	1.24	Sederhana
C9	Kurang bimbingan daripada pensyarah sepanjang pembelajaran secara dalam talian.	2.80	1.09	Sederhana
C10	Kurang bimbingan daripada rakan sepanjang pembelajaran secara dalam talian.	2.70	1.11	Sederhana
C11	Pembelajaran secara dalam talian menyebabkan terhadnya hubungan interaksi dengan rakan sekelas.	3.44	1.29	Sederhana
C12	Kurang sokongan daripada keluarga sepanjang pembelajaran secara dalam talian.	2.29	1.08	Rendah
C13	Pembelajaran secara dalam talian menyebabkan beban tugas/kerja semakin bertambah.	3.21	1.27	Sederhana
C14	Pembelajaran secara bersemuka lebih baik berbanding pembelajaran secara dalam talian.	3.73	1.17	Tinggi
C15	Pembelajaran secara dalam talian banyak memakan masa berbanding belajar secara bersemuka.	3.30	1.26	Sederhana
C16	Mudah merasa letih semasa pembelajaran secara dalam talian berlaku.	3.42	1.32	Sederhana
C17	Gangguan persekitaran pembelajaran saya memberi kesan terhadap pembelajaran dalam talian.	3.54	1.23	Tinggi
C18	Mampu menumpukan perhatian sepanjang pembelajaran secara dalam talian.	3.07	1.18	Sederhana
C19	Sepanjang pembelajaran secara dalam talian telah menyebabkan saya kurang rehat dan tidur.	2.98	1.18	Sederhana
C20	Dapat menjalankan peranan sebagai pelajar sepanjang pembelajaran secara dalam talian.	3.69	0.84	Tinggi
C21	Saya mampu untuk membuat keputusan sendiri sepanjang pembelajaran dalam talian.	3.57	0.78	Tinggi
C22	Merasa tegang secara berterusan sepanjang pembelajaran dalam talian.	3.20	1.11	Sederhana
C23	Kurang kemampuan dalam mengatasi masalah sepanjang pembelajaran dalam talian.	2.90	0.94	Sederhana
C24	Merasa seronok sepanjang pembelajaran dalam talian.	3.27	1.14	Sederhana
C25	Berkemampuan untuk menghadapi masalah sepanjang pembelajaran dalam talian.	3.44	0.81	Sederhana

C26	Merasa tertekan dan tidak gembira sepanjang pembelajaran secara dalam talian.	2.77	1.14	Sederhana
C27	Kurang keyakinan diri sepanjang pembelajaran secara dalam talian.	2.97	1.17	Sederhana
C28	Merasakan diri kurang berguna sepanjang pembelajaran secara dalam talian.	2.69	1.10	Sederhana
C29	Merasa gembira tanpa sebab sepanjang pembelajaran secara dalam talian.	2.79	1.06	Sederhana
Jumlah Min		3.04	0.49	Sederhana

Merujuk kepada Jadual 5 di atas bahawa terdapat sebanyak 6 item berada pada tahap tinggi. Nilai min yang diperoleh ialah antara 3.54 hingga 3.93. Berdasarkan analisis data mendapati bahawa item yang memperoleh nilai min tertinggi iaitu 3.93 ialah pada item C1 (*pembelajaran secara dalam talian menggunakan kos internet yang tinggi*), diikuti item C14 (*pembelajaran secara bersemuka lebih baik berbanding pembelajaran secara dalam talian*) memperoleh min 3.73. Sementara min 3.69 ialah pada item C20 (*dapat menjalankan peranan sebagai pelajar sepanjang pembelajaran secara dalam talian*), manakala item C2 (*menghadapi masalah capaian internet di kediaman atau rumah pelajar sepanjang pembelajaran secara dalam talian*) memperoleh min 3.59. Kemudian dikuti oleh item C21 (*saya mampu untuk membuat keputusan sendiri sepanjang pembelajaran dalam talian*) dengan nilai min 3.57. Dan yang terakhir ialah item yang memperoleh min 3.54 iaitu pada item C17 (*gangguan persekitaran pembelajaran saya memberi kesan terhadap pembelajaran dalam talian*).

Sementara, sebanyak 20 item berada pada tahap sederhana iaitu antara min 3.07 hingga 3.44. Merujuk kepada analisis data mendapati bahawa item C11 (*pembelajaran secara dalam talian menyebabkan terhadnya hubungan interaksi dengan rakan sekelas*) memperoleh nilai min 3.44 iaitu nilai min yang tertinggi pada kategori tahap sederhana. Diikuti item C25 (*berkemampuan untuk menghadapi masalah sepanjang pembelajaran dalam talian*) memperoleh min 3.44. Manakala item yang memperoleh min 3.42 ialah item C16 (*mudah merasa letih semasa pembelajaran secara dalam talian berlaku*). Selain itu, pelajar-pelajar juga mengakui bahawa pembelajaran secara dalam talian banyak memakan masa berbanding belajar secara bersemuka iaitu pada item C15 dengan memperoleh min 3.30. Walaupun bagaimanapun, mereka juga merasa seronok sepanjang pembelajaran secara dalam talian (item C24) dengan memperoleh min 3.27. Namun bagi item C8 memperolehi min 3.22 (*menghadapi masalah kurang berinteraksi dengan pensyarah dan rakan*).

Selain pembelajaran dalam talian mempengaruhi masa pelajar, beban tugas dan kerja (item C13) juga semakin bertambah dan merasa tegang secara berterusan sepanjang pembelajaran dalam talian (item C22). Hal demikian berdasarkan nilai min yang diperoleh ialah sebanyak 3.21 (item C13) dan 3.20 (item C22). Walaupun pelajar-pelajar menghadapi cabaran semasa pembelajaran dalam talian, namun mereka masih mampu menumpukan perhatian terhadap pembelajaran mereka (item C18) dengan memperoleh min sebanyak 3.07.

Selain cabaran tersebut di atas, pelajar-pelajar juga menghadapi rasa kurang rehat dan tidur iaitu bagi item C19 dengan memperoleh min 2.98. Mereka juga merasa kurang yakin terhadap diri sepanjang pembelajaran secara dalam talian dengan memperoleh min 2.97 (item C27). Sementara bagi item C5 (*penggunaan kemudahan infrastruktur teknologi yang terhad di kediaman atau rumah sepanjang pembelajaran secara dalam talian*) memperolehi min sebanyak 2.97. Pelajar-pelajar juga menghadapi masalah kurangnya pendedahan melaksanakan pembelajaran dalam talian (item C7). Hal ini berdasarkan nilai min yang diperoleh iaitu 2.92. Min yang diperoleh bagi item C23 iaitu (kurang kemampuan dalam mengatasi masalah sepanjang pembelajaran dalam talian) ialah sebanyak 2.90.

Berdasarkan cara pembelajaran bukan berlaku secara bersemuka, maka ianya memberi kesan terhadap hubungan interaksi dengan pensyarah. Oleh itu, pelajar-pelajar merasa kurang mendapat bimbingan dari pensyarah sepanjang pembelajaran secara dalam talian (item C9) dengan memperoleh min sebanyak 2.80. Selain kurang bimbingan daripada pensyarah, pelajar-pelajar juga merasa kurang bimbingan dari rakan sebaya (item C10). Ini ditunjukkan melalui min yang diperoleh ialah sebanyak 2.70.

Bagi konteks berkaitan dengan cabaran perasaan, pelajar-pelajar juga didapati merasa gembira tanpa sebab sepanjang secara dalam talian (item C29) dengan memperoleh min sebanyak 2.79. Namun, ada ketikanya mereka merasa tertekan dan tidak gembira cara pembelajaran sedemikian (item C26) dan merasa diri kurang berguna belajar secara dalam talian (item C28). Hal ini adalah berdasarkan kepada nilai min yang diperoleh ialah sebanyak 2.77 (item C26) dan 2.69 (item C28). Dan yang terakhir ialah C6 kurang mahir menggunakan teknologi maklumat sepanjang pembelajaran secara dalam talian) memperoleh min sebanyak 2.62.

Manakala terdapat 3 item berada pada tahap rendah pada tahap min antara 1.51 hingga 2.29 iaitu bagi item C12 (*kurang sokongan daripada keluarga sepanjang pembelajaran secara dalam talian*) memperoleh nilai min sebanyak 2.29, sisihan piawai 1.08. Diikuti item C3 (*tidak memiliki komputer riba sendiri sepanjang pembelajaran secara dalam talian*) dengan nilai min 1.79. Terakhir ialah item C4 (*tidak memiliki telefon bimbit sendiri sepanjang pembelajaran secara dalam talian*) memperoleh min 1.51.

PERBINCANGAN

Dalam dunia menghadapi pandemik COVID-19 ini ianya banyak mempengaruhi dan merubah beberapa aspek kehidupan manusia antaranya ekonomi, corak kehidupan, pelancongan termasuklah corak pembelajaran sekolah. Berhubung dengan corak pembelajaran di sekolah telah menghadapi perubahan yang ketara di mana cara pembelajaran secara dalam talian mengambil tempat sebagai pengganti corak pembelajaran secara bersemuka. Ekoran dari pengaplikasian kaedah pembelajaran secara dalam talian ini, maka berlakunya revolusi menggunakan pendekatan pembelajaran secara teknologi digital. Pembelajaran secara maya sama sekali telah mengubah corak pembelajaran daripada kaedah tradisional kepada satu kaedah pembelajaran yang lebih memenuhi keperluan pendidikan di Abad ke-21. Oleh itu, kajian ini memfokuskan tentang mengkaji tahap kesediaan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dan cabaran mereka hadapi sepanjang pembelajaran secara dalam talian.

Terdapat 18 item yang dinilai, dapatan menunjukkan tafsiran skor min mencatat nilai 3.73 iaitu diinterpretasi pada tahap bersedia. Analisis ke atas semua item yang dikaji mempunyai nilai skor antara 3.33 hingga 4.07 (bersedia). Hasil kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar didapati bersedia dan menerima corak pembelajaran dalam norma baharu iaitu pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian. Pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian bagi pelajar-pelajar KUPU SB adalah pada kadar yang memuaskan. Kajian ini selari dengan pandangan Siti Balqis dan Muniroh (2020), Mohd Zulhasnan et al. (2019) dan Mohd Fairuz et al. (2020) bahawa pelajar-pelajar mempunyai kesediaan menerima cara pembelajaran secara dalam talian. Pembelajaran dalam talian merupakan medium terbaik untuk memastikan proses pembelajaran dapat dilaksanakan secara berterusan dan ada kesinambungan dengan pelaksanaan aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah (Nor Fauziana, 2020).

Aspek kesediaan pelajar melibatkan penyediaan kemudahan belajar seperti telefon bimbit, komputer riba, akses *internet* (kouta), alat peranti iaitu kamera, mikrofon, *headphone* dan

earphone yang digunakan sepanjang pembelajaran dalam talian berlaku. Hal ini kerana, sebagai pelajar peringkat institusi pengajian tinggi masing-masing mampu memiliki semua peranti tersebut. Dan agak mustahil bagi seorang individu pelajar terutama peringkat institusi pengajian tinggi untuk tidak mempunyai peranti terutama telefon bimbit yang digunakan sebagai alat komunikasi harian dan perhubungan mereka. Oleh yang demikian, selaras dengan pandangan Nur Fauziana (2020) yang menyatakan bahawa segala kemudahan dan peranti seperti komputer riba, telefon bimbit, tablet dan sebagainya adalah mesra penggunaan dan dapat menarik perhatian pelbagai lapisan masyarakat untuk digunakan.

Sementara dari aspek penggunaan platform, pelajar-pelajar didapati mampu dan bersedia menggunakan aplikasi *Zoom*, *Webex*, *Google Meet*, *MS Teams*, *Whatsapp* dan *Telegram* sebagai medium untuk melaksanakan pembelajaran dalam talian. Hal ini kerana, pelajar-pelajar telah mempunyai pengalaman dalam penggunaan platform dalam talian. Oleh itu, kajian ini selari dengan dapatan kajian Shakirah et al. (2020) menyatakan bahawa pelajar bersedia belajar secara maya dalam talian dengan menggunakan medium seperti *Zoom*, *Webex*, *Google Meet* dan *MS Teams* untuk pembelajaran pengaturcaraan komputer. Juga selaras dengan pandangan Nur Fauziana (2020), Siti Balqis dan Muniroh (2020), Losius et al., (2020) dan Muniroh et al., (2020) bahawa platform-platform ini merupakan aplikasi yang mudah diakses dan dapat digunakan sebagai medium pembelajaran pelajar dan menurut Abdul Rashid et al. (2020) bahawa medium ini membolehkan pelajar untuk meneruskan silibus pembelajaran dari rumah. Menurut Siti Balqis dan Muniroh (2020), *Google Meet* adalah merupakan satu aplikasi yang sering digunakan untuk mengadakan interaksi secara terus antara pensyarah dan pelajar.

Oleh itu, pelajar-pelajar didapati mempunyai pengetahuan asas terhadap corak pembelajaran yang digunakan sepanjang pandemik COVID-19. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan dan kemahiran pelajar terhadap penggunaan kemudahan teknologi adalah pada tahap yang baik di mana pelajar-pelajar dapat menggunakan peranti komputer riba dan telefon bimbit dengan baik semasa pembelajaran dalam talian berlaku dan cabaran mereka terhadap penggunaan kedua-dua peranti adalah pada tahap sederhana.

Kemudahan teknologi dan aplikasi mediuam pembelajaran ini bukan satu yang baharu, malahan ianya sudah lama diperkenalkan tetapi kurang digunakan memadangkan pembelajaran secara bersemuka lebih kerap diamalkan sebelum berlakunya pandemik COVID-19. Mereka juga didapati bersedia untuk belajar tanpa bersemuka dengan pensyarah dan berkongsi maklumat dengan rakan-rakan semasa belajar dalam talian. Dalam keadaan lain, pelajar-pelajar juga akan menghubungi pensyarah jika terdapat sebarang masalah mengenai pembelajaran. Selaras pandangan Nur Fauziana (2020) yang menjelaskan bahawa komunikasi dua hala terwujud antara pensyarah dan pelajar melalui respon yang diterima secara *live* semasa sesi kuliah dan perbincangan berlaku. Mereka juga menggunakan bahan pembelajaran dengan baik untuk membantu mereka dalam menyelesaikan tugas yang diberikan.

Walaupun dalam beberapa hal mereka menyatakan tahap kesediaan mereka menerima corak pembelajaran dalam talian ini, namun mereka juga masih menghadapi sedikit cabaran dengan corak pembelajaran demikian. Antaranya dapatlah disimpulkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh pelajar belajar dalam talian bolehlah dikategorikan kepada beberapa aspek iaitu cabaran kemudahan pembelajaran seperti penggunaan *internet*, infrastruktur kemudahan teknologi seperti komputer riba dan telefon bimbit, kurangnya pengetahuan dan kefahaman terhadap pelaksanaan pembelajaran dalam talian dan kurang mahir terhadap penggunaan

teknologi maklumat, gangguan persekitaran, hubungan interaksi antara pensyarah dan rakan adalah terhad termasuklah bimbingan dari pensyarah dan cabaran terhadap fizikal dan mental pelajar.

Cabaran mengenai penyediaan dan capaian *internet* dalam kajian mendapati bahawa berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, hasil kajian ini menyokong hasil dapatan kajian Siti Norazian et al., (2020), Losius et al., (2020), Mahathir dan Wardatul (2021) serta Siti Azura et al. (2021) yang menyatakan bahawa faktor kos dan akses *internet* menjadi cabaran kepada pelajar sepanjang pembelajaran secara dalam talian. Selari juga dengan pandangan Juwairiah dan Roslinda (2021) yang menyatakan bahawa capaian akses *internet* yang terhad akan menjadi cabaran kepada pelajar untuk melalui proses pembelajaran secara maya.

Berhubung dengan isu akses capaian *internet*, pelajar-pelajar KUPU SB juga didapati menghadapi masalah ini pada tahap yang tinggi. Selari dengan pandangan Siti Balqis dan Muniroh (2020) dan Rofizah (2020) yang menyatakan bahawa pelajar-pelajar menghadapi cabaran dalam mengakses capaian *internet* semasa belajar secara dalam talian. Kesimpulannya, *internet* adalah merupakan salah satu jaringan penting untuk melancarkan proses pembelajaran secara dalam talian. Hal ini menyokong pandangan Yusuf (2012), Fadzliyah et al. (2020), Boon et al. (2021) dan Mahathir serta Wardatul (2021). Kekuatan capaian *internet* dapat mempengaruhi kesediaan pelajar untuk belajar secara dalam talian (Rofizah, 2020).

Oleh yang demikian, insiatif Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Pendidikan telah melakukan perundingan dengan Syarikat *Unified National Network Sendirian Berhad (UNN)* untuk menambah kapasiti terhadap data *fixed broadband* bagi membolehkan para pelajar mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Sebagai contoh pihak DST telah mengemaskinikan plan rangkaian *internet* seperti *Mobi Plan*, *Infinity Plan* dan menyediakan penambahan data *EduPack* dengan kadar langganan yang murah untuk kemudahan pelajar. Begitu juga dengan Imagine dan Progresif juga turut menyediakan plan akses untuk kemudahan masyarakat umum dan pelajar-pelajar khasnya. Oleh itu, jaringan capaian *internet* juga penting dan perlu diambil kira untuk mengelakkan jurang kesaksamaan kepada pendidikan bagi pelajar-pelajar (Muniroh et al., 2020).

Sementara merujuk kepada kemahiran penggunaan teknologi maklumat juga didapati menjadi cabaran pada pelajar. Oleh itu, berdasarkan pandangan Nor Fauziana (2020), beliau menjelaskan pelajar-pelajar mahupun pendidik perlu meningkatkan kemahiran dalam penggunaan *ICT* dalam menjalani norma pendidikan yang baharu ini. Selain itu, kemudahan fasiliti dan teknologi penting untuk melestarikan pembelajaran secara dalam talian. Cabaran persekitaran juga turut dirasai oleh pelajar-pelajar KUPU SB semasa menjalani sesi pembelajaran dalam talian. Faktor persekitaran pelajar dapat mempengaruhi pembelajaran mereka secara dalam talian. Selari dengan pandangan Mahathir dan Wardatul (2021), Mohamad Idham (2020) Rofizah (2020) dan Mohammad Hilmy Baihaqy (2021) mendapati bahawa suasana dan persekitaran pembelajaran yang kondusif juga memberi kesan terhadap aktiviti pembelajaran pelajar secara dalam talian.

Selain cabaran teknologi dan jaringan *internet*, cabaran masalah komunikasi dengan pensyarah juga didapati dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa belajar secara atas talian. Hal demikian kerana pelajar tidak secara langsung dapat bersemuka dengan guru melainkan melalui platform-platform tertentu yang dijadikan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran seperti pertemuan bersemuka melalui aplikasi *Zoom*, *MS Team*, *Google Meet* dan lain-lain. Oleh itu,

hasil kajian selari dengan kajian Losius et al., (2020) menyatakan bahawa pembelajaran secara dalam talian menjadi cabaran guru dan sukar untuk berkomunikasi dengan pelajar. Selain itu, hasil dapatan kajian mendapati bahawa hubungan interaksi antara pelajar dan pensyarah semasa Pandemik COVID-19 ini adalah terhad (Nurfarhana & Nurul Jannah, 2021; Rofizah, 2020) dan menyukarkan perbincangan dengan rakan (Nurfarhana & Nurul Jannah, 2021).

Selain itu, terdapat 12 item yang mengukur kesihatan psikologi (*GHQ-12*) pelajar sepanjang melalui pembelajaran secara dalam talian. Berdasarkan analisis deksriptif mendapati bahawa tahap kesihatan mental pelajar semasa pembelajaran secara dalam talian adalah pada tahap sederhana. Hanya dua item berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa tahap kesihatan mental pelajar-pelajar KUPU SB adalah dalam keadaan normal, baik dan terkawal. Hal demikian menunjukkan bahawa mereka dapat menyesuaikan diri dengan situasi pembelajaran semasa dalam COVID-19 iaitu menjalani sesi pembelajaran secara dalam talian. Selari dengan dapatan kajian Haizvanie dan Norzaini (2021) tentang tahap kesihatan mental pelajar dalam pandemik COVID-19 ialah pada tahap yang terkawal.

Walau bagaimanapun, pembelajaran secara dalam talian juga didapati memberi kesan terhadap corak waktu rehat dan tidur mereka kerana belajar dalam talian memerlukan masa yang banyak, mudah merasa letih, merasa tertekan dan tidak gembira, merasa terbeban dengan tugas yang banyak, kurang merasa yakin dan merasa kurang mampu untuk mengatasi masalah yang dihadapi sepanjang belajar dalam talian. Oleh yang demikian, selari dengan pandangan Mahathir dan Wardatul (2021) yang menjelaskan bahawa sesi pembelajaran secara dalam talian mengambil masa yang agak lama dan mengakibatkan terjejasnya kesihatan pelajar.

Selari dengan pandangan Abdul Rashid et al. (2020) yang menyatakan bahawa pelajar tidak dapat menguruskan masa antara waktu belajar dan rehat. Hal demikian, dalam kajian ini, antara cabaran yang dihadapai oleh pelajar ialah mereka merasa kurang rehat dan tidur sepanjang pembelajaran secara dalam talian. Hal demikian selari dengan pandangan Muhammad Izzat et al. (2021) menyatakan masalah tidur yang tidak mencukupi menyebabkan seseorang merasa tertekan. Kelemahan mereka dalam pengurusan masa telah mengakibatkan mereka mudah merasa letih dan telah memberi sedikit kesan terhadap kesihatan mereka. Hal ini selari dengan pandangan Abdul Rashid et al. (2020) bahawa pengurusan masa belajar yang kurang bijak sepanjang pembelajaran secara dalam talian menyebabkan mereka merasa stres. Oleh itu, pengurusan yang bijak dengan menyediakan jadual harian dapat membantu menguruskan aktiviti harian antara memenuhi keperluan pendidikan dan kehidupan.

Selain itu, dapatan kajian juga menyokong kajian Jung et al. (2012) yang mendapati bahawa pembelajaran secara dalam talian telah mengakibatkan terjejasnya kesihatan pelajar dari aspek psikologi mereka dan menurut Muhammad Izzat et al (2021) menyebabkan keletihan fizikal. Menurut Rofizah (2020) dan Siti Aisyah et al. (2021) keadaan pelajar yang duduk terlalu lama menghadap komputer menyebabkan timbulnya masalah kesihatan pelajar. Sementara dapatan kajian juga menyokong pandangan Md Daud et al. (2016) dan Alias et al. (2021) tentang kesan pembelajaran secara dalam talian ke atas pelajar-pelajar. Walau bagaimanapun dari aspek perasaan dapat menjalankan peranan sebagai pelajar dan mampu membuat keputusan sendiri semasa pembelajaran secara dalam talian memperoleh min yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar KUPU SB mampu menjalani sesi pembelajaran dengan baik dan mampu mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian.

Berdasarkan pandangan pengkaji bahawa pelajar-pelajar menghadapi beban tugas dengan tugasan-tugasan yang diberikan melalui pelbagai subjek atau matapelajaran yang diberikan. Hal demikian menyebabkan mereka merasa tertekan dengan tugas atau kerja harus diselesaikan mengikut masa yang telah ditetapkan. Oleh itu, amalan rohani merupakan satu alternatif yang mampu membantu meningkatkan kesihatan mental. Hal ini kerana, amalan kerohanian mempunyai hubungan erat dengan kesihatan mental (Media Permata, 2021).

Selain amalan rohani, sokongan sosial juga memainkan peranan yang penting untuk mengatasi masalah kesihatan mental seseorang individu. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Siti Syawani et al. (2021), Md Aris dan Mariam (2010) menjelaskan bahawa terdapat hubungan antara sokongan sosial dengan kesejahteraan psikologi pelajar. Dan menurut Mohd Suhaimi dan Mohd Haazik (2020) sokongan dan hubungan sosial penting untuk membantu mengatasi masalah kesihatan mental. Selain sokongan sosial, komitmen pelajar itu sendiri adalah diperlukan untuk membolehkan mereka melaksanakan pembelajaran secara atas talian dengan berkesan. Selari dengan pandangan Fadzliyah et al. (2020) yang menjelaskan bahawa pelajar perlu komited dalam memberikan respon dan berusaha untuk menyiapkan tugas yang diberikan.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa cabaran sokongan keluarga dan kemudahan atau peralatan yang digunakan sepanjang pembelajaran dalam talian adalah pada tahap rendah. Walau bagaimanapun, pandangan Fadzliyah et al (2020) dan Juwairiah serta Roslinda (2021) mendapati bahawa sokongan ibu bapa diperlukan untuk meningkatkan semangat pelajar sepanjang proses pembelajaran dalam talian berlaku. Oleh yang demikian, sokongan keluarga dari pelajar-pelajar KUPU SB adalah diperlukan untuk meningkatkan motivasi mereka untuk meneruskan pembelajaran secara dalam talian khususnya ketika mereka berada di rumah dengan menyediakan prasarana dan persekitaran yang kondusif untuk membolehkan mereka melaksanakan sesi pembelajaran secara dalam talian dengan lancar.

KESIMPULAN

Berlakunya krisis COVID-19 ini telah memberi kesan terhadap corak dan kaedah pembelajaran pelajar. Krisis ini telah menyebabkan sekolah dan institusi pengajian tinggi ditutup dan pelajar-pelajar terpaksa menggunakan kaedah pembelajaran secara dalam talian. Pandemik COVID-19 sebenarnya memberi impak positif dalam konteks melestarikan e-pembelajaran kalangan pelajar-pelajar sekolah mahupun peringkat institusi pengajian tinggi. Perubahan ini menimbulkan kesedaran kalangan pelajar mahupun pendidik tentang kepentingan menguasai kemahiran penggunaan teknologi terkini. Dari sudut lain, pembelajaran secara dalam talian dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat. Oleh itu, pelajar perlu bersedia mengadaptasi amalan pembelajaran norma baharu masa kini.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mendapati bahawa tahap kesediaan pelajar-pelajar KUPU SB berada pada tahap yang memuaskan di mana pelajar-pelajar telah bersedia menerima perubahan cara pembelajaran dalam norma baharu. Sementara sudut cabaran bukanlah menjadi penghalang bagi mereka untuk terus menuntut ilmu. Pelajar-pelajar harus melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran terhadap cara pembelajaran secara dalam talian termasuklah penggunaan terhadap teknologi maklumat.

Oleh itu, komitmen dari semua pihak termasuklah pihak kerajaan mahupun swasta, institusi pendidikan, guru dan pelajar diperlukan bagi menjamin keberkesanannya pelaksanaan

pembelajaran secara dalam talian. Cadangan kajian lanjutan adalah menggunakan sampel kajian yang melibatkan empat universiti iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA), KUPU SB dan Universiti Teknologi Brunei (UTB), Negara Brunei Darussalam. Selain itu penyelidik akan datang boleh membuat kajian terhadap tahap kesediaan dan cabaran pensyarah ataupun guru terhadap proses pengajaran secara dalam talian di peringkat sekolah rendah, menengah, ugama dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Aziz, Umi Hamidaton Soffian Lee & Siti Nubailah Mohd Yusof. (2020, November 11-12). *Tekanan Akademik: Cabaran Pembelajaran Dalam Talian Dalam Kalangan Pelajar Semasa Norma Baharu*. Kertas Kerja Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia (MEDC2020). Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Secara Dalam Talian.
- Ahmad Al-Munzir Ridzuan & Mansur Nasir. (2020, Oktober 6-7). *Kajian Tinjauan Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Kesediaan Pelajar Kolej Komuniti Lahad Datu Bagi Pembelajaran Secara Atas Talian*. Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Kebangsaan (SPSH2020), Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka.
- Alias. A., Shaban, S. H., Arifain, S. M. K., & Karim A. K. A. (2021). *Hubungan Kesunyian Dengan Ketagihan Internet Dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Semasa Pandemik COVID-19*. Jurnal ‘Ulwan, 6(1), 65-79.
- Fadzliyah Hashim, Farah Farhana Rosli & Fatahiyah Elias. (2020). *Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian Dan Impaknya Terhadap Guru Novis Pendidikan Islam*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Science, 3(4), 151-162.
- Haizvanie Muhammed Ganasan & Norzaini Azman. (2021). *Kesihatan Mental dan Motivasi Pelajar Semasa Pembelajaran Dalam Talian Sepanjang Pandemik Covid-19*. Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6(10), 25-40.
- Md Daud Ismail, Nur Syuhada Md Zin & Roshayati Abdul Hamid. (2016). *Pembelajaran-e, Tekanan dan Komitmen Belajar Dalam Kalangan Pelajar Sains di Universiti Kebangsaan Malaysia*. Jurnal Personalia Pelajar, 19(1), 55-64.
- Jun, I., Masayuki, K. & Sook, K. C. (2012). *Stress in Japanese Learners Engaged in Online Collaborative Learning in English*. British Journal of Educational Technology, 43(6), 1016.
- Juwairiah Mustapah & Roslinda Rosli. (2021). *Tahap Kepuasan Pembelajaran Matematik Atas Talian Semasa Pandemik COVID-19*. (4), 1-20.
- Kenyataan Media Situasi Terkini Jangkitan Covid-19 Di Negara Brunei Darussalam (2020, Mac 9). Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam.
- Kenyataan Media Situasi Terkini Jangkitan Covid-19 Di Negara Brunei Darussalam (2020, Mac 13). Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam.
- Losius Golliong, Ahsly Kasin, Marcelus Johnny & Nazarous G. Yulip. (2020). *Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PDPCJJ) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*. Pejabat Pendidikan Daerah Ranau, Sabah.
- Matahir Yahaya & Wardatul Hayat Adnan. (2021). *Cabar Pelajar Melalui Kaedah Pembelajaran Atas Talian: Kajian Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Journal of Media and Information Warfare, 14(1), 11-20.
- Media Masa. (2020). *Cabar Tempuh Keperluan Pembelajaran Dalam Talian*. Diakses pada 16 November 2021.

- Media Masa. (2021). *Amalan Rohani Mampu Bantu Kesihatan Mental*. <http://mediapermata.com.bn/amalan-rohani-mampu-bantu-kesihatan-mental/>. Diakses pada 17 Jun 2021.
- Md Aris, S. M.Y., & Mariam, A. D. (2010). *The Relationship Between Social Support and Psychological Problem Among Students*. International Journal of Busniess and Social Science, 1(3), 110-116.
- Mohamad Idham M. T. (2020). *Covid-19: Pembelajaran Atas Talian Suatu Keperluan Ke Arah Menuju Malaysia Maju*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-pembelajaran-atas-talian-suatu-keperluank-ke-arah-menuju-malaysia-maju-237496>. Diakses pada 17 Jun 2021.
- Mohammad Hilmy Baihaqy Yussof. (2021). *The Impact of COVID-19 Towards Development of Teaching and Learning in Brunei Darussalam with Specific Reference to Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)*. AsTEN Journal of Teacher Education, 1, 23-30.
- Mohd Fairuz Jafar, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof & Harpini Awang. (2020, Oktober 20). *Kesediaan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid 19*. Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan (SEDAR'20). IPG Kampus Darulaman Secara Atas Talian.
- Mohd Suhaiimi Mohamad & Mohd Haazik Mohamed. (2020). *Jenis Personaliti dan Tahap Kesihatan Mental Dalam Kalangan Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi*. Jurnal Personalia Pelajar, 23(1), 7-17.
- Mohd Zulhasnan Mat, Fadli Bacho & Sharifudin Rapin. (2019). *Kesediaan Pelajar Dalam M-Pembelajaran Bagi Pengajaran dan Pembelajaran di Kolej Komuniti Tawau, Sabah*. Politenik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning, 3(1), 103-111.
- Muhammad Izzat Mailis, Zuriani Hanim Zaini, Nurjumira Abd Roaf & Nur Hafizaliayana Hassan. (2021, Disember 30). *Faktor Tekanan Dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Sepanjang Tempoh Pelaksanaan Pembelajaran Atas Talian*. Jurnal Kesidang, 6, 131-142.
- Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan, Ch'ng Pei Eng. (2020). *Adaptasi Pengajaran dan Pembelajaran Secara Maya Dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik Covid-19*. SIG: e-Learning@CS. 23-30.
- Nor Fauziana binti Mohd Salleh. (2020). *Pandemik Coronovirus (Covid-19): Pembelajaran dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan di Malaysia*. http://www.researchgate.net/publication/342886967_PANDEMIK_CORONOVIRUS_COVID-19_PEMBELAJARAN_DAN_PENGAJARAN_SECARA_ATAS_TALIAN_SUATU_KEPERLUAN_DI_MALAYSIA
- Nurfarhana Abd Rahman & Nurul Jannah Rosli. (2021). *Cabar & Impak Pembelajaran Dalam Talian Kepada Mahasiswa Pengajian Islam UKM Semasa Pandemik Covid-19*. Jurnal UIN Antasari, 3(1). 481-497.
- Rofizah Mohammad. (2020). *Pembelajaran Dalam Talian Segerak: Kepuasan Pelajar Terhadap Penggunaan Microsoft Teams*. Journal of Quality Measurement and Analysis, 16(2), 219-230.
- Shakirah Mohd Sofi, Siti Noor Ahmad, Farhana Abdullah Asuhaimi, Helyawati Baharudin. (2020, November 11). *Tahap Kesediaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Pengaturcaraan Komputer Dalam Talian Ketika Penularan Covid-19*. Prosiding Ke-6 Seminar Antarabangsa Teknologi Komunikasi dan Masyarakat. Selangor, Malaysia.

- Shamzaeffa Samsuddin & Kevin Tan Chee Hong. (2016). *Hubungan Antara Tahap Kesihatan Mental dan Prestasi Pelajar Sarjana Muda: Satu Kajian di Universiti Utara Malaysia*. Jurnal Sains Kesihatan Malaysia, 14(1), 11-16.
- Siaran Media Kementerian Kewangan dan Ekonomi Negara Brunei Darussalam. Inisiatif Kerajaan Untuk Membantu Kementerian Pendidikan Menyediakan Pendidikan Berterusan Melalui E-Pembelajaran Dalam Keadaan Di Mana Sekolah Akan Terus Ditutup Kerana Situasi Penularan Covid-19. (2020, Mac 25).
- Siti Azura binti Abu Hasan, Suzana binti Zainol Abidin & Zulkurnain bin Hassan. (2021). *Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat*. International Journal of Humanities Technology and Civilization (OJHTC), 10(2), 1-14.
- Siti Aisyah Mohamad Zin, Raja Nurul Hafizah Raja Ismail, Wan Nur Ainna Waheda Razali & Nor Kalsum Mohd Isa. (2021). *Covid-19: Impak Pandemik Terhadap Konflik Emosi dan Pendidikan di Malaysia – Satu Kajian Literature*. Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management, 6(25), 1-14.
- Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hamat. (2020). *Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Bergerak*. SIG: E-Learning@CS, 14-22.
- Siti Norazian Miskam, Liaw Yin Huat & Zullfadhl Osman. (2020, Oktober 20). *Tahap Kesediaan Pembelajaran Atas Talian Pelajar Kolej Komuniti Beaufort (KKBS)*. 4th International Research and Innovation Conference, Politeknik Kuching Sarawak.
- Thawinkarn, D., Tang, K.N., & Ariratana, W. (2018). *Relationship Between Perceived Director's Leadership and Classroom Quality of Primary School in Thailand*. Kasetsart Journal of Social Sciences, 39(2), 230-235.
- Wei Boon Quah, Roazam Ahmad & Norlia Md Desa. (2021). *Kesediaan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (PdPDT) Dan Penggunaan Kemahiran Teknologi Oleh Staf Kolej Komuniti Sungai Petani: Satu Tinjauan*. Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education, 5(1), 46-53.
- Yusuf, H. (2012, Oktober). *Penggunaan e-Pembelajaran Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Yang Berkesan*. Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru (KKPG), Kuantan, Pahang. Retrieved <http://ur.aeu.edu.my/4>.